

# Larian tingkatkan kesedaran anak kurang bernasib baik

**Kuala Lumpur:** Kelab Debat Bahasa Melayu Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama *Miss Malaysia Indian Care Association* (MMI-Care Association) menganjurkan Program *Holi Charity Colour Run 2.0: Colour of Humanity!*, di sini, baru-baru ini.

Pengarah program, Has Umierah Ibrahim, berkata kolaborasi julung kali itu diadakan bagi membantu golongan kurang berkemampuan yang membabitkan pelbagai bangsa termasuk bangsa Rohingya.

Katanya, jika sebelum ini ahli kelab debat sering dikaitkan dengan aktiviti ilmiah berbahas atau pertandingan pidato, kali ini pihaknya mencuba kelainan apabila menganjurkan program larian amal untuk golongan kurang bernasib baik.

"Kerjasama ini untuk menjadikan perkembangan mahasiswa didedahkan dengan inklusif terhadap keperluan dan keadaan semasa pelbagai strata masyarakat.

"Pengetahuan ahli kelab yang selama ini dikembangkan dengan teknik pengu-

capan awam kini dibawa ke tahap seterusnya, bertindak membantu isu yang sering kali dibahaskan dalam pertandingan," katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

## Lawatan pendidikan

Has Umierah berkata, MMICare Association ialah badan bukan kerajaan (NGO) wanita yang beroperasi sejak tahun 2001 membantu mengenal pasti dan mengurangkan beban golongan kanak-kanak serta wanita seluruh Malaysia.

Beliau berkata, NGO itu mengangkat kesedaran berkaitan literasi asas, kesihatan dan alam sekitar dalam kalangan penduduk lapisan B40 serta ke bawah.

"Bertepatan dengan objektif untuk menyediakan peluang untuk mahasiswa memperluaskan ilmu bagi menangani isu berkaitan tiga elemen yang difokuskan, program ini bukan sekadar larian sejauh 2.5 kilometer (km) sebaliknya lawatan pendidikan sekitar UPM.

"Ternyata maklum balas yang diberikan oleh peser-

ta cukup melegakan hati, sekurang-kurangnya kami mampu meninggalkan impak positif dalam diri mereka selepas tamat program," katanya.

Program berkonsepkan perayaan holi itu membabitkan 200 peserta daripada tujuh pusat perlindungan dan jagaan.

Selain pelajar UPM, program itu turut disertai pelajar dari Asia Pacific University dan KDI University College yang menjadikan jumlah fasilitator adalah seramai 300 orang.



**Peserta Program Holi Charity Colour Run 2.0; Colour of Humanity!** ceria ketika menyertai program itu di UPM baru-baru ini.



**Antara aktiviti yang disertai oleh sukarelawan dan peserta sempena dengan Program Holi Charity Colour Run 2.0; Colour of Humanity!** anjuran Kelab Debat Bahasa Melayu UPM dan MMICare Association, baru-baru ini.

